

UCAPAN OLEH : DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS FORUM PERDAGANGAN MALAYSIA-INDONESIA

TEMPAT: ISTANA NEGARA, JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA

TARIKH: 09 MAR 2000

MASA:

"HUBUNGAN MALAYSIA DAN INDONESIA DALAM ABAD KE-21"

Saya berasa amat gembira kerana dapat berada di sini sekali lagi setelah agak lama tidak melawat Indonesia. Suasana sekarang mungkin berbeza tetapi persaudaraan, kerjasama serta hubungan rakyat dan kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Indonesia tetap kukuh dan erat.

2. Kedua-dua sektor swasta Malaysia dan Indonesia juga telah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan hubungan antara masyarakat dagang kedua-dua negara.

3. Forum yang diadakan hari ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan dua hala kita dan menjadikannya satu mekanisme untuk memastikan kerjasama di antara kedua-dua negara kita terus kukuh walau dalam keadaan apa pun.

4. Kebelakangan ini, keadaan agak kurang baik. Krisis ekonomi serantau telah menimbulkan banyak cabaran yang besar terutamanya dalam hubungan perdagangan. Forum antarabangsa untuk Malaysia dan Indonesia ini adalah satu peluang yang baik untuk membincangkan cabaran-cabaran ini serta merangka strategi-strategi yang sesuai untuk menanganinya.

5. Saya ucapkan tahniah kepada Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) dan rakan-rakannya dari Indonesia iaitu Dewan Perniagaan dan Industri Indonesia (KADIN), Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa (CSIS) dan Institut Pembangunan Kepimpinan Korporat (CLDI) kerana telah menghimpunkan sebegitu ramai peserta yang penting daripada sektor dagang dari kedua-dua negara.

6. Adalah jelas masyarakat dagang kita begitu bersungguh-sungguh berusaha mengekalkan kekukuhan hubungan ini dan komited untuk memperkembangkannya lagi dengan idea-idea dan kerjasama-kerjasama baru.

7. Memang, saya tidak perlu menceritakan betapa mencabarnya keadaan sepanjang 18 bulan lalu. Rantau ini telah ditimpa krisis ekonomi yang amat teruk sejak Perang Dunia Kedua. Pertumbuhan ekonomi di rantau ini jatuh menjunam dan turut runtuh bersama ialah keyakinan dan dinamisme yang lebih sedekad lalu merupakan asas kekuatan ekonomi Asia.

8. Dengan wujudnya tanda-tanda kestabilan di beberapa negara Asia Timur yang ditimpa krisis ekonomi itu, prospek untuk rantau ini pulih sepenuhnya semakin nyata. Walaupun sudah kelihatan pertumbuhan yang positif pada tahun lalu, adalah dijangkakan rantau ini akan melihat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2000 dan tahun-tahun akan datang. Rantau ini dijangka akan mengambil masa yang tidak terlalu lama untuk kembali kepada paras pertumbuhan ekonomi sebelum waktu krisis.

9. Ekonomi Malaysia malangnya tidak dapat mempertahankan dirinya daripada krisis ekonomi serantau ini. Untuk pertama kalinya dalam masa 13 tahun ekonomi Malaysia telah mengalami resesi. Ini telah memberi kesan kepada hubungan perdagangan di antara Malaysia dan Indonesia. Syarikat-syarikat Malaysia terutama dalam sektor pembinaan dan hartanah telah menjadi tenat akibat kemerosotan ekonomi ini.

10. Saya yakin tuan-tuan dan puan-puan semua baik di Malaysia atau Indonesia telah berusaha dengan cergas untuk memulihkan operasi yang sedia ada dan mencari jalan untuk memperkembangkan hubungan perdagangan dan pelaburan dalam suasana ekonomi yang baru ini.

11. Saya yakin usaha-usaha ini akan membuahkan hasil apabila tiba masanya. Sebabnya saya begitu yakin ialah kerana adanya kekuatan tulin dalam hubungan antara kedua-dua negara, dan juga antara masyarakat dagang kita. Kekuatan ini akan dapat mengatasi masalah yang masih ada dalam hubungan dagang kita.

12. Malaysia masih lagi rakan dagang Indonesia yang ketiga besarnya dalam ASEAN. Daripada segi perdagangan global pula, Indonesia merupakan rakan dagang Malaysia yang ke-13 terbesar pada tahun 1999. Walaupun prospek jangka terdekat dan pertengahan masih belum dapat dipastikan, prospek jangka panjang adalah baik.

13. Beberapa syarikat Malaysia sedang menilai semula operasi mereka di Indonesia. Kebanyakannya adalah komited untuk terus aktif di negara ini, dan ini menggambarkan keyakinan mereka dalam prospek jangka pertengahan dan panjang di Indonesia.

14. Ekonomi negara-negara Asia Timur akan pulih dan pemulihan ini akan disertai oleh keadaan ekonomi dan

politik yang lebih terbuka, telus dan fleksibel. Sudah tentu bukan sahaja peluang akan bertambah tetapi urusan perniagaan akan menjadi lebih mudah. Mereka yang dapat meneruskan dagangan mereka semasa kegawatan ekonomi sudah tentu akan lebih berjaya dalam iklim baru ini.

15. Malaysia dan Indonesia mempunyai beberapa perjanjian dua hala perdagangan dan pelaburan. Perjanjian-perjanjian yang terlibat adalah:-

Perjanjian Jaminan Pelaburan yang dibuat pada 22 Januari 1994;

Perjanjian Mengenai Pengelakan Cukai Dua Kali (12 Sept. 1991), dan

Perjanjian Perdagangan (16 Oktober 1973)

16. Sebelum krisis berlaku, ekonomi Indonesia tumbuh pada purata tujuh peratus setahun selama 25 tahun. Ia telah melahirkan golongan kelas menengah yang dianggarkan sebanyak 20 juta orang -- jumlah yang besar berbanding yang terdapat di Malaysia. Ini boleh berlaku kerana Indonesia menyertai ekonomi dunia, mempelbagaikan aktiviti ekonominya, penduduknya yang bersatu padu dan hasil mahsulnya yang banyak.

17. Dengan pembaharuan dalam struktur ekonominya ke arah yang lebih teratur, kestabilan politik akan membolehkan Indonesia sekali lagi memanfaatkan aset-aset nasionalnya dengan baik dan sepenuhnya. Saya amat yakin dalam hal ini. Saya juga yakin Presiden Abdurrahman Wahid dan pemerintahan Indonesia akan mampu memulihkan sepenuhnya ekonomi Indonesia.

18. Daripada segi dasar luar negara Malaysia, fokus ke atas Indonesia tidak akan berubah, tidak mengira perubahan yang kita lihat berlaku di negara ini. Dan dasar luar Malaysia itu akan tetap kekal sedemikian kerana kedudukan strategik Indonesia tidak akan berubah, begitu juga dengan geografi dan penduduknya.

19. Semua perubahan yang berlaku di Indonesia tidak akan menukar hakikat yang Indonesia masih sebuah negara yang penting dalam rantau ini, yang dengan dasar-dasar dan tindakan-tindakannya telah menyumbang kepada kerjasama serantau dan kestabilan Asia Tenggara malah ke rantau Asia Pasifik.

20. Kepentingan Indonesia sebagai rakan dagang kepada Malaysia yang semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu, tidak akan menurun dalam jangka pertengahan atau panjang ini. Saya percaya lebih banyak peluang akan muncul -- peluang untuk membina Indonesia ke arah yang lebih baik dan memperbaiki kehidupan rakyat biasa Indonesia, dan peluang untuk mengukuhkan lagi jalinan persahabatan di antara Malaysia dan Indonesia.

21. Walaupun dagangan dalaman ASEAN merosot semasa krisis ekonomi dan kewangan, kita perlu ingat bahawa

dagangan dalaman ASEAN telah berkembang sebanyak 90 peratus daripada 82 bilion Dolar Amerika pada tahun 1993 kepada 156 bilion Dolar Amerika pada tahun 1997. Sudah tentu dengan pemulihan ekonomi seluruh ASEAN dagangan dalaman ASEAN akan berkembang semula dan akan mencapai paras yang lama dan melebihinya dalam masa yang tidak terlalu lama.

22. Eksport Malaysia ke seluruh negara anggota ASEAN menunjukkan pertumbuhan yang kukuh. Eksportnya meningkat sebanyak 80 peratus daripada 12.9 billion Dolar Amerika pada tahun 1993 kepada 23.2 bilion Dolar Amerika pada tahun 1997. Eksportnya merosot dalam tahun 1998 kepada 21.6 bilion Dolar Amerika.

23. Untuk tempoh dari tahun 1993 hingga 1998, purata bahagian Malaysia dalam eksport dalaman ASEAN ialah sebanyak 28 peratus. Ini hanya diatasi oleh Singapura dengan 38 peratus, manakala bahagian Indonesia, Thailand dan Filipina masing-masing ialah 13 peratus, 11 peratus dan lima peratus.

24. Satu perkara besar yang kedua-dua negara kita akan hadapi ialah gelombang globalisasi. Dalam alaf baru ini, globalisasi dan revolusi dalam teknologi maklumat dan komunikasi akan bergerak pantas. Pengaliran modal, barangan, perkhidmatan, idea dan maklumat akan berterusan tanpa sekatan. Sementara negara-negara maju akan mendapat banyak keuntungan daripada proses ini, negara-negara membangun mesti bersiap sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang tidak kita pastikan yang akan menimpa mereka.

25. Globalisasi meningkatkan tekanan persaingan dalam pasaran domestik. Ia juga membuka ruang kepada pergerakan modal yang besar masuk dan keluar dari negara, dan kita tahu ini boleh menghancurkan keseluruhan ekonomi negara berkenaan. Lihat sahajalah krisis kewangan Asia yang lalu yang menghancurkan ekonomi harimau-harimau Asia Timur, dengan begitu teruknya. Dengan globalisasi pembelian semua barangan boleh dibuat melalui Internet dan syarikat Dot.com asing secara terus tanpa melibatkan pengimport, pengedar dan peruncit tempatan. Bukan sahaja perniagaan mereka ini akan tidak diperlukan lagi tetapi cukai tidak dapat dikutip oleh pemerintah. Kita telah lihat bagaimana 'supermarket' menghapuskan kedai-kedai runcit, dan sekarang 'hypermarket' menghapuskan 'supermarket'. 'E-commerce' dalam dunia tanpa sempadan akan menghapuskan hampir semua jenis perniagaan tempatan.

26. Kita sedar bahawa globalisasi adalah sesuatu yang perlu diterima kerana dunia sudah menjadi kecil disebabkan kecanggihan sistem telekomunikasi dan penerbangan, tetapi apakah ada hanya satu interpretasi sahaja berkenaan dengan globalisasi, interpretasi yang

dibuat oleh negara kaya yang hanya menguntungkan mereka? Tidakkah ada interpretasi lain berkenaan globalisasi, dunia tanpa sempadan dan pasaran bebas supaya nikmat daripada semua ini akan dirasakan bersama oleh yang miskin dan yang kaya?

27. Jika kita ingin mendapatkan sesuatu daripada globalisasi, negara-negara membangun seperti Malaysia, Indonesia dan negara-negara ASEAN yang lain hendaklah mengkaji secara mendalam akan apa dianya globalisasi dan apakah kesan terhadap kita, dan selepas itu kita tentukan pendirian kita bersama dan kita kemukakan pendapat kita dan tafsiran kita. Jika kita tidak berbuat demikian, globalisasi akan membinasakan kita.

28. Tiga puluh dua tahun lalu, ASEAN telah ditubuhkan oleh pengasas-pengasasnya kerana mereka percaya bahawa segala masalah antara negara anggota boleh diselesaikan melalui rundingan dan bukan dengan konfrantasi. ASEAN telah berjaya membendung perselisihan antara negara anggota, walaupun tidak semua masalah yang dapat diselesaikan. Dengan persahabatan yang terjalin antara negara-negara ASEAN, Asia Tenggara telah menjadi aman dan tenteram serta dagangan antara negara anggota meningkat. Demikianlah kejayaan ASEAN sehingga semua sepuluh negara Asia Tenggara menyertai ASEAN. Tidak ada 'regional grouping' antara negara membangun yang lebih berjaya daripada ASEAN.

29. Di masa yang sama keamanan di Asia Tenggara membolehkan jiran-jiran mengadakan hubungan dua hala yang baik, membanding dan meniru cara-cara pembangunan ekonomi. Dan ini menolong perdagangan antara jiran dan pembangunan masing-masing.

30. Perjumpaan kita hari ini adalah satu contoh kejiranan yang baik di antara Malaysia dan Indonesia dan saya menggesa masyarakat peniaga kedua-dua negara supaya mengekalkan sikap ini. Saya juga menggesa usahawan kita menggunakan peluang ini sepenuhnya untuk membentuk satu pendekatan strategik dalam mengurus hubungan dagang di masa depan.

31. Forum hari ini memberikan kita peluang yang terbaik untuk memastikan hubungan dua hala di antara kita bertambah erat dan berterusan hingga melampaui abad ke-21.